



**Maybank**  
Islamic



**Maybank**

Terma dan syarat  
KEMPEN SME & BB GROW AND BE REWARDED

**Tempoh Kempen**

1. Terma & Syarat berikut (“**Terma dan Syarat**”) akan menyelia “**SME & BB Grow and Be Rewarded FY2023**” (“**Kempen**”) bermula dari **10 April 2023** hingga **30 September 2023** (termasuk kedua-dua tarikh) atau apabila mencapai sasaran kempen yang ditetapkan (seperti yang ditentukan oleh Malayan Banking Berhad (No. Syarikat 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat 200701029411)) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Maybank**”), yang mana lebih awal (“**Tempoh Kempen**”).
2. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 3 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk menjadi berikat dengan Terma & Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen adalah muktamad.

**Kelayakan**

3. Kempen ini terbuka kepada pemegang Akaun Semasa & Daily Fund-i Maybank yang sedia ada, yang mungkin terdiri daripada pemegang akaun perniagaan Perusahaan Kecil Sederhana/Perbankan Perniagaan (“**PKS/BB**” atau “**SMEBB**”) terdiri daripada pemilikan tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad, syarikat sendirian berhad, persatuan, pertubuhan kebajikan dan badan professional (selepas ini dirujuk sebagai “**Peserta Yang Layak**”) bagi produk-produk yang berikut (“**Akaun-akaun Penyertaan**”):

Akaun Konvensional	Akaun Patuh Shariah
Business Account Corporate Current Account	SME First Investment Account-i
SME First Account	SME First Account-i
Basic Current Account	Basic Current Account-i (SME & BB)
	Current Account-i
	Premier Mudarabah Account-i (SMEBB)

Maybank dan Maybank Islamic ialah ahli PIDM.

\* Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan melalui [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk maklumat lanjut.



Terma dan syarat  
KEMPEN SME & BB GROW AND BE REWARDED

**Kriteria Kelayakan & Mekanisma Kempen**

4. Peserta Yang Layak akan dipilih sebagai pemenang secara rawak oleh program Maybank (“Pemenang”) berdasarkan penambahan Baki Purata Harian/Average Daily Balance (“BPH/ADB”) mengikut peringkat kumpulan masing-masing bagi setiap bulan, berbanding garis dasar, seperti berikut:

Kumpulan BPH	Garis Dasar Kempen	BPH untuk kelayakan	Kriteria Penambahan BPH	Kriteria Minimum BAB (Baki Akhir Bulanan)
Kumpulan 1	Purata BPH antara 31 Januari 2023 - 31 Mac 2023	RM1,000 - RM9,999	Peserta MESTI mencapai BPH tambahan sebanyak RM12,000 sepanjang tempoh kempen.	RM20,000 sepanjang tempoh kempen
Kumpulan 2		RM10,000 - RM49,999	Peserta MESTI mencapai BPH tambahan sebanyak RM50,000 sepanjang tempoh kempen.	
Kumpulan 3		RM50,000 - RM100,000	Peserta MESTI mencapai BPH tambahan sebanyak RM200,000 sepanjang tempoh kempen.	

**Hadiah Kempen (“Hadiah”)**

5. Ganjaran untuk Kempen adalah seperti berikut;

Bulan	Hadiah	Akaun Kumpulan Baki BPH	Bilangan Pemenang
Apr-Sep	Baucar Shopee bernilai RM1,000	Kumpulan 1	5
		Kumpulan 2	20
		Kumpulan 3	45

- a. Akaun Peserta Yang Layak mestilah aktif sepanjang tempoh Kempen dijalankan.

6. Formula untuk BPH:

$$\text{BPH} = \frac{\text{Jumlah baki Akhir Harian dalam Akaun Penyertaan selama 1 bulan}}{\text{Bilangan hari dalam sebulan}}$$

Bilangan hari dalam sebulan

Tahun tanpa hari lompat = 365 hari



Terma dan syarat

KEMPEN SME & BB GROW AND BE REWARDED

7. Formula untuk Penambahan BPH:

**Penambahan BPH: Jumlah purata BPH - Garis Dasar**

8. Pemilihan Pemenang dan pemberian hadiah akan diberikan dalam tempoh 90 hari selepas tamat Tempoh Kempen.
9. Peserta Yang Layak hanya dibenarkan untuk menang sekali (1) sahaja sekiranya kempen-kempen yang berkaitan dengan SMEBB Deposit/Akaun Pelaburan dijalankan serentak.
10. Akaun Peserta Yang Layak yang akaunnya telah digantung daripada menjalankan sebarang urusan niaga keluar atau ke dalam akaun mereka atau yang akaunnya telah dibekukan atas sebarang sebab yang diperuntukkan di bawah Klausula 1.2 dari Terma Dan Syarat Akaun Deposit Bagi Perbankan Islam, Klausula F.2 dari Terma Dan Syarat Mengawal Akaun Pelaburan Mudarabah Bagi Perbankan Islam dan Klausula 1.3 dari Terma Dan Syarat Yang Mengawal Akaun Perbankan tidak layak untuk Kempen ini.
11. Peserta Yang Layak akan dijalankan analisis bagi pengiraan penambahan BPH dalam pemilihan pemenang kempen.
12. Pemberian Hadiah
  - a. Pemenang mesti mempunyai nombor telefon bimbit dan alamat e-mel yang sah dan berdaftar dengan Maybank untuk dihubungi bagi pemberian Hadiah.
  - b. Peserta Yang Layak yang ingin menerima notifikasi mengenai Kempen melalui inbox Maybank2u dan melalui notifikasi pada aplikasi Maybank2u mereka, mestilah mendaftarkan aplikasi Maybank2u mereka dan menjadi pengguna aktif aplikasi tersebut.
  - c. Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah (nilai setara yang ditentukan oleh Maybank) atas sebarang sebab yang dianggap wajar oleh Maybank. Maybank akan memaklumkan Pemenang melalui sebarang cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh Maybank.
  - d. Merupakan tanggungjawab pemenang untuk memastikan bahawa alamat surat-menyurat dan butiran hubungan yang diberikan dan disimpan dalam rekod Maybank adalah terkini dan dikemas kini.
  - e. Hadiah diberikan atas dasar "seadanya" dan tidak boleh dipindah milik atau ditukar dan tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan mana-mana Hadiah yang tidak dituntut selama tiga (3) bulan selepas pemberitahuan Pemenang dibuat akan dibatalkan.
  - f. Selepas pemberian hadiah, Maybank tidak akan bertanggungjawab ke atas cara penggunaan Hadiah.



Terma dan syarat

KEMPEN SME & BB GROW AND BE REWARDED

13. Pemenang mungkin dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah, apabila diperlukan, dan pemenang bersetuju bagi sebarang pendedahan yang sama dalam apa jua cara seperti yang ditentukan oleh Maybank. Kegagalan untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain boleh menyebabkan kehilangan Hadiah.

Lain-lain

14. Peserta Yang Layak yang menutup akaunnya sebelum pemakluman hadiah tidak berhak menerima sebarang Hadiah di bawah Kempen.
15. Hanya Akaun Penyertaan yang aktif layak untuk menyertai Kempen. Akaun Penyertaan yang berada dalam status tidak aktif tidak akan dipertimbangkan.
16. Keputusan Maybank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau percubaan untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan.
17. Gambar Hadiah yang ditunjukkan dalam mana-mana iklan, promosi dan bahan publisiti lain yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan Kempen adalah/semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar Hadiah.
18. Sebarang pertikaian berkaitan kualiti, kebolehdagangan dan/atau waranti Hadiah (yang mana berkenaan) mesti diselesaikan secara terus oleh Pemenang dengan peniaga/pembekal tanpa rekursa kepada Maybank. Maybank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pelanggaran kualiti atau waranti hadiah atau sebarang terma dan syarat daripadanya.
19. Semua Peserta Yang Layak akan bertanggungjawab secara peribadi untuk semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka, di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada.
20. Jika terdapat sebarang pertikaian (kecuali pertikaian di bawah klausa 24) atau tidak menerima Hadiah, Pemenang dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di 1300 88 6688, dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pemberitahuan Pemenang dibuat. Tiada permintaan akan dilayan selepas itu.

Terma dan Syarat Umum

27. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
28. Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Peserta Yang Layak bertanggungjawab



**Maybank**  
Islamic



**Maybank**

Terma dan syarat

KEMPEN SME & BB GROW AND BE REWARDED

untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

29. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
30. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut penyata privasi Maybank yang boleh didapati di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) ("Maybank Privacy Statement") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Maybank Privacy Statement dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Peserta Yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

a) tujuan Kempen; dan

b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Peserta Yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

\*Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

31. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Peserta Yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaihan atau peninggalan melampau oleh Maybank.
32. Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
33. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan



**Maybank**  
Islamic



**Maybank**

Terma dan syarat

**KEMPEN SME & BB GROW AND BE REWARDED**

melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.

34. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Peserta Yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).